

# Malaysia mahu terlibat sektor tenaga di Rusia

UM : Khamis 21/6/2007

MOSCOW 20 Jun – Malaysia melahirkan minat untuk terlibat dalam satu lagi pelaburan besar dalam sektor tenaga di Rusia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, pelaburan itu yang kini dalam peringkat perbincangan akan melibatkan kerjasama antara Petronas dari Malaysia dan dua firma terkemuka Rosneft serta Gazprom.

Katanya, keputusan mengenai perbincangan tersebut akan dimuktamadkan tidak lama lagi.

“Saya tidak dapat memberikan penjelasan lanjut kerana ia masih di peringkat perbincangan. Ia sesuatu yang besar,” katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri oleh wartawan Rusia dan agensi media antarabangsa di sini petang ini.

Terdapat satu laporan media di sini yang menyebut Malaysia kini terlibat membincangkan projek pemodenan dan pembinaan loji tenaga di Rusia, melibatkan pelaburan sehingga AS\$2 bilion.

Bagaimanapun tiada pengesahan daripada mana-mana pihak mengenai laporan tersebut.

Perdana Menteri berkata, Petronas adalah sebuah syarikat minyak yang terkemuka di dunia dan mempunyai pengalaman luas serta berpotensi besar untuk lebih berjaya dalam pelaburannya.

Katanya, Petronas telah pun melabur sebanyak AS\$1.1 bilion dengan Rosneft bagi terlibat dalam projek usaha sama, sebelum ini.

Mengenai lawatannya ke Rusia, Perdana Menteri menyifatkannya sebagai berjaya dalam mengukuhkan hubungan dua hala terutama hasil perbincangan dengan Presiden, Vladimir Putin.

Katanya, penghantaran program angkasan Malaysia menerusi kerjasama dengan Rusia, Oktober ini akan menjadi

pemangkin kepada kemajuan bidang aerokosmos negara.

Ditanya keadaan di Timur Tengah yang sentiasa bergolak, Abdullah berkata, negara-negara Arab perlu bersatu dalam pemikiran dan tindakan mereka sebagai jalan keluar kepada segala kemelut.

Petang ini, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah berlepas ke St. Petersburg bagi atur cara tidak rasmi sebelum menyambung lawatan ke sebuah lagi negara iaitu Bosnia Herzegovina, esok.

Terdahulu Abdullah menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia, yang antara lain memberikan perspektif tentang Malaysia sebagai tarikan pelaburan masa depan bagi pelabur asing.

“Malaysia merupakan destinasi pelaburan terbaik dari segi pencapaian ekonomi, kestabilan, kemampuan teknologi, daya saing tinggi dan kos yang lebih rendah,” katanya.

Malah katanya, Malaysia dan Rusia sedang dalam rangka memeterai perjanjian perlindungan pelaburan yang apabila dimuktamadkan, dijangka akan melonjakkan aliran pelaburan antara kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, sejak tahun lalu, Malaysia telah menerima empat pengiktirafan antarabangsa yang menjadi petunjuk bahawa ia adalah destinasi pelaburan terbaik.

Pada majlis itu, beliau turut menyaksikan lima pemeteraian Memorandum Persefahaman Bersama (MoU) kerjasama pendidikan melibatkan Universiti Limkokwing dari Malaysia dengan beberapa universiti di Rusia.

Satu lagi MoU yang ditandatangani ialah antara syarikat Malaysia, Muhibbah Engineering dan Mirax Construction dari Rusia, berkaitan kerjasama infrastruktur.

– Utusan



ABDULLAH Ahmad Badawi ketika menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat Causa (Honoris Causa) daripada Rektor Institut Perhubungan Antarabangsa Moscow, Anatoly V. Torkunov di Moscow, semalam.

– Bernama